

TARIAN ETNIK BUTON

Tarian Linda

Tarian ini ditarikan dengan mengikut rentak gong.

Tarian ini ditarikan secara berpasangan oleh penari lelaki dan penari perempuan. Jumlah penari ialah 16 orang, dua penari lelaki dan 14 penari perempuan. Alat muzik

yang digunakan ialah gong, kulintangan dan tawak.



Antara perhiasan penari perempuan ialah tali pinggang, kalung (rantai di leher), gelang tangan,



kipas, selendang, dan kain dililitkan di atas kepala atau disebut sebagai "sri junjung". Penari lelaki pula memakai perhiasan seperti tali pinggang, tanjak dan kain sampung.

Tarian linda telah ditarikan semasa upacara rasmi dan majlis keramaian seperti perkahwinan dan menyambut tetamu luar.



eBorneo